

JAWAPAN KEPADA SALAHFAHAM TENTANG COVID-19

Sila gunakan untuk:

Slaid pembentangan

Muat turun / kongsi di media sosial

Bahan perbincangan

Tarikh kemas kini: 27 Januari 2021



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: COVID tidak lebih berbahaya dan sama sahaja seperti selesema (flu)



KEBENARAN: Kadar kematian akibat COVID adalah 10x lebih tinggi berbanding selesema (flu)

Penyelidikan di Universiti John Hopkins menunjukkan bahawa COVID adalah lebih berbahaya, menjangkiti lebih ramai pesakit dalam kadar masa yang lebih lama (sehingga 30 hari), dan tersebar lebih pantas berbanding selesema (flu)

Mendakwa bahawa COVID sama sahaja seperti selesema boleh menyebabkan bahaya dan impak COVID terhadap nyawa manusia dipandang remeh



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Doktor (GP) memperoleh banyak wang daripada vaksinasi COVID



KEBENARAN: Doktor (GP) hanya dibayar sebanyak £ 12.50 bagi setiap suntikan. Kebanyakannya tidak akan mendapat keuntungan malah mungkin menyebabkan kerugian

Ini termasuk bayaran untuk

- Kerja rutin GP (8 pagi – 8 malam sehingga 7 hari seminggu)
- Tempat dan alat kelengkapan
- Pentadbir & jururawat
- Latihan staf/kakitangan dan mendidik pesakit
- Memantau pesakit selepas proses vaksinasi



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Vaksin COVID menyebabkan kesan sampingan yang tidak dapat dipulihkan



KEBENARAN: Setakat ini tidak ada pesakit yang mengalami kesan sampingan yang tidak dapat dipulihkan – sama ada semasa ujian ataupun dalam populasi

Mitos ini disebarkan dengan salah faham satu penyampaian yang mengatakan bahawa 3000 dari mereka yang diberi vaksin mengalami kesan sampingan SEMENTARA dan BOLEH DIBAIK PULIH, bukan sebaliknya.

Mana– mana ubat berpotensi menyebabkan kesan sampingan. Tetapi ini perlu diselaridan dipertimbangkan dari aspek kebaikan dan bahaya ubat tersebut secara menyeluruh



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: COVID disebabkan oleh rangkaian 5G



KEBENARAN: COVID merebak di negara–negara tanpa 5G. Tidak ada kaitan saintifik.

Mitos ini bermula ketika awal penyebaran COVID yang secara kebetulan sama dengan pelancaran 5G di Wuhan. Ini berlaku tanpa mengambil kira fakta bahawa rangkaian 5G telah dimulakan di kawasan lain di China sebelum wabak COVID. Lagi.

COVID juga telah tersebar di negara–negara yang tidak mempunyai rangkaian 5G.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Bilangan kematian akibat COVID telah ditokok tambah



KEBENARAN: Kematian akibat COVID besar kemungkinan kurang dilaporkan berbanding ditokok tambah

Majoriti kematian akibat COVID mempunyai keputusan swab yang positif. Walaubagaimanapun, sebilangan kecil kematian akibat COVID tidak direkodkan mempunyai keputusan swab yang positif. Hal ini kerana sekiranya keputusan radiologi dan simptom menunjukkan kemungkinan besar diagnosis COVID, swab tidak akan dilakukan selepas kematian kerana ia tidak praktikal.

Ini adalah selari dengan amalan perubatan biasa



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Doktor mahu memaksa masyarakat supaya divaksin



KEBENARAN: Kami mahu masyarakat membuat keputusan berdasarkan fakta, dan bukannya mitos

Sebahagian besar negara akan mengalakkan rakyatnya untuk menerima vaksin dengan cara mendidik dan bukannya memaksa

Adalah tidak bertanggungjawab sekiranya kami tidak mendidik masyarakat apabila berlakunya salah faham, terutamanya jika salah faham tersebut dilakukan dengan sengaja dan membahayakan mereka.



MITOS: Vaksin COVID dihasilkan daripada bahan yang haram



KEBENARAN: Vaksin Pfizer–BioNTech tidak mengandungi bahan daripada haiwan

Mengisytiharkan produk halal atau haram adalah tugas untuk cendekiawan Islam yang mahir dalam perkara ini. Ini mengambil kira pelbagai factor dan bukan sekadar penggunaan sesuatu bahan itu sahaja

Kebanyakan vaksin, termasuk yang dihasilkan oleh Pfizer–BioNTech telah diisytiharkan halal oleh majoriti badan yang bertanggungjawab.



MITOS: Vaksin mengandung sel janin yang telah digugurkan



KEBENARAN: Vaksin tidak mengandung sel janin.

Beberapa dekad yang lalu, sebilangan vaksin (tidak termasuk vaksin Pfizer / Moderna COVID) menggunakan sel janin khas untuk proses penghasilan virus.

Sel janin khas ini merupakan satu-satunya pilihan pada masa tersebut. Walaubagaimapun, sel tersebut tidak wujud dalam vaksin sekarang dan diisytiharkan boleh digunakan oleh majoriti pertubuhan cendekiawan Islam di seluruh dunia



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Vaksin digunakan sebagai cip untuk pengawasan manusia



KEBENARAN: Vaksin tidak mengandungi sebarang cip pengesanan atau alat penjejak untuk pengawasan.

Pihak berkuasa bebas daripada negara yang tidak mempunyai kepentingan antara satu sama lain tidak menjumpai sebarang mikrocip dan telah meluluskan penggunaan vaksin

Secara realistiknya, banyak lagi cara pengawasan manusia yang lebih mudah untuk digunakan (telefon bimbit, kad bank dan sebagainya) berbanding alat penjejak biologikal.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Vaksin tidak selamat – disebabkan ini, tiada wanita hamil digunakan dalam fasa ujikaji.



KEBENARAN: Wanita hamil & kanak-kanak secara kebiasannya tidak digunakan dalam fasa awal uji kaji.

Vaksin COVID yang digunakan pada masa kini tidak disyorkan untuk kanak-kanak. Panduan menyatakan bahawa keputusan sama ada perlu atau tidak vaksin diberikan kepada wanita hamil perlu dibuat berdasarkan tahap risiko kepada mereka. Ini tidak bermakna vaksin tidak selamat untuk mereka.

Panduan ini adalah tanda bahawa langkah-langkah keselamatan telah diambil kira dan selari dengan fasa uji kaji yang tidak merangkumi mereka



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Syarikat farmaseutikal tidak boleh dipercayai



KEBENARAN: Walaupun industry farmaseutikal kadang-kala digelar sebagai 'tidak beretika', ia tidak bermakan yang kita [erlu menolak segala perkara yang dating daripada mereka.

Penerimaan sesuatu teknologi bukanlah semata-mata berdasarkan etika atau moral syarikat yang menghasilkannya

Sebagai contoh, kita menggunakan ubat tahan sakit, antibiotik dan kemoterapi yang dihasilkan oleh syarikat farmaseutikal.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Tahap keselamatan vaksin diluluskan dengan kadar yang terlalu segera



KEBENARAN: Kelulusan yang segera adalah kerana kurangnya larangan birokrasi yang berlebihan

Sebelum ini, tidak pernah berlaku kerjasama saintifik dan penyediaan dana yang melibatkan seluruh dunia sepertimana penghasilan vaksin COVID. Kerjasama ini membolehkan para saintis menghasilkan sesuatu yang biasanya mengambil masa bertahun, dalam masa beberapa bulan sahaja



MITOS: Vaksin boleh mengubah DNA manusia



KEBENARAN: RNA yang digunakan dalam vaksin tidak dapat mengubah DNA seseorang.

Vaksin Pfizer–BioNTech COVID menggunakan teknologi mRNA. Vaksin mRNA membolehkan sel kita untuk menghasilkan protein yang seterusnya mencetuskan tindak balas imuniti pelindung. mRNA ini akan dipecahkan seurus selepas memasuki badan.

MRNA tidak pernah memasuki nucleus sel, yang mengandungi DNA kita



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Pencipta teknologi PCR mengatakan bahawa ianya tidak dibuat untuk mengesan penyakit seperti COVID



KEBENARAN: Tidak wujudnya bukti bahawa Dr Kary Mullis (pencipta teknologi PCR) pernah menyatakan perkara ini.

Proses PCR membantu para saintis untuk mengesan bahan genetik. Sekiranya sampel ujian mengandungi bahan genetik virus COVID maka keputusannya adalah positif

Dr Mullis meninggal pada bulan Ogos 2019, beberapa bulan sebelum kes COVID pertama dilaporkan.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Ujian PCR tidak tepat dan menyebabkan jumlah jangkitan COVID ditokok tambah



KEBENARAN: Tidak ada ujian yang tepat 100%, tetapi tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa kebimbangan mengenai jangkitan COVID dan keparahan penyakit ini adalah salah

Walaupun terdapat positif dan negatif palsu dengan semua ujian, data termasuk jumlah kemasukan ke hospital dengan gejala COVID dan jumlah kematian menjadi indikasi yang baik tentang keseriusan situasi ini.



MITOS: 99.97% pesakit sembuh dari jangkitan COVID, tetapi 3% penerima vaksin mendapat kesan sampingan yang signifikan dari vaksin



KEBENARAN: Angka-angka ini salah. Kita mestilah sedar bahawa lebih dari satu juta orang telah menjadi korban virus ini dan berjuta-juta lagi mangsa jangkitan menderita komplikasi jangka panjang.

Risiko kesan sampingan dari pengambilan vaksin yang bersifat minimal dan berjangka pendek adalah jauh lebih kecil berbanding risiko komplikasi jangka panjang atau kematian akibat jangkitan COVID.



MITOS: Memakai penutup muka adalah tidak baik untuk kesihatan anda



KEBENARAN: Tidak ada bukti saintifik yang menunjukkan bahawa pemakaian penutup muka itu membahayakan kesihatan, tetapi terdapat bukti saintifik yang menunjukkan bahawa ianya dapat memberi perlindungan.

Kita semua memainkan peranan untuk mengurangkan penyebaran COVID. Kita mestilah terus mengamalkan penjarakan sosial, pemakaian penutup muka dan rutin pencucian tangan untuk membantu mengurangkan penyebaran COVID.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Kita hanya perlu menunggu sehingga kita mencapai imuniti kelompok



KEBENARAN: Jumlah kematian yang dijangka akan berlaku untuk membolehkan kita mencapai imuniti kelompok adalah suatu bencana yang dahsyat.

Ini kerana imuniti kelompok hanya berkesan jika majoriti penduduk sudah dijangkiti COVID.

Menurut data rasmi, lebih daripada 2 juta orang di UK sudah dijangkiti COVID. Untuk mencapai imuniti kelompok di mana majoriti penduduk sudah dijangkiti, jumlah kematian yang akan berlaku juga akan meningkat secara signifikan ke tahap ia menjadi suatu bencana yang dahsyat kepada negara ini.



MITOS: Sekiranya hospital begitu sibuk mengapa Hospital Nightingale kosong?



KEBENARAN: "Hospital" Nightingale ditubuhkan sebagai Unit Rawatan Rapi sahaja tanpa akses kepada banyak fasiliti kesihatan yang lain. Buat masa ini, kita tidak ada kakitangan kesihatan yang mencukupi untuk bekerja di unit ini.

Maklumat terkini menunjukkan bahawa NHS sedang bergelut dengan kapasiti untuk menguruskan jumlah kemasukan baru ke hospital dengan jangkitan COVID.

Ini ditambah lagi dengan bebanan servis kesihatan rutin/elektif NHS yang terpaksa ditangguhkan kerana pandemik ini, misalnya pembedahan bersifat elektif.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Seorang jururawat dirakam menerima vaksin dan meninggal dunia



KEBENARAN: Jururawat itu hanya pengsan. Setelah dia sedar dan pulih dari episod itu, dia memberi kenyataan dalam sidang media bahawa dia pernah mengalami tindak balas yang sama terhadap rangsangan kesakitan sebelum ini (dalam situasi ini rangsangan sakit dari jarum suntikan).

Jururawat itu disahkan pulih sepenuhnya. Vaksin COVID telah diluluskan selamat setelah data keselamatan dari ujian klinikal yang melibatkan puluhan ribu penerima vaksin dianalisis.

Pengumpulan data lebih lanjut kini masih berterusan melibatkan lebih ramai penerima-penerima vaksin.



MITOS: Tidak ada manfaat dalam pengambilan vaksin kerana munculnya varian virus COVID yang baru



KEBENARAN: Buat masa ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa vaksin COVID sekarang tidak akan memberi perlindungan terhadap varian virus COVID yang baru.

Adalah normal bagi virus seperti virus flu untuk mengalami perubahan genetik.

Para saintis sentiasa memantau perkembangan atau perubahan dalam varian baru yang dikenalpasti. Variasi atau perubahan dalam skala kecil kebiasaannya tidak mempengaruhi keberkesanan vaksin.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Vaksin mengandungi alkohol dan oleh itu tidak dibenarkan dalam Islam



KEBENARAN: Kandungan ethanol dalam vaksin Oxford AZ adalah dalam kadar yang lebih kecil daripada yang didapati dalam makanan semula jadi atau roti.

Majoriti ulama' atau ilmuan Islam bersepakat bahawa Vaksin Oxford AZ dibenarkan kerana jumlah ethanol yang terkandung di dalamnya adalah sangat minimum sehingga boleh diabaikan.

Keharusan mengambil mana-mana produk dari segi agama adalah berdasarkan pendapat atau fatwa ulama' dan agamawan, maka sila rujuk kepada ilmuan agama yang anda percayai.



MITOS: Vaksin COVID mengandungi organisma yang diubahsuai secara genetik dan berbahaya kepada manusia



KEBENARAN: Virus dalam vaksin AZ COVID telah diubahsuai sehingga ia tidak akan dapat membiak dan menyebabkan penyakit di dalam badan manusia.

Kaedah pengubahsuaian genetik organisma (GMO) biasa digunakan dalam industri makanan dan pertanian dan juga telah bertahun-tahun digunakan dalam penghasilan ubat-ubatan berlesen.

Dalam penghasilan vaksin AZ COVID, virus COVID telah diubahsuai untuk menghilangkan petunjuk genetik yang normal. Ini telah digantikan dengan petunjuk genetik yang mengarahkan pembentukan dan penghasilan imuniti terhadap COVID.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Vaksin mengandung daging khinzir atau kandungan lain daripada haiwan



KEBENARAN: Tidak ada daging khinzir atau kandungan lain daripada haiwan dalam vaksin yang ada sekarang.

Bahkan dalam situasi di mana ada bahan yang tidak diizinkan dari segi agama di dalam mana-mana vaksin, majoriti ilmuan agama telah menyimpulkan bahawa vaksin itu dibolehkan untuk diambil jika tiada pilihan alternatif dan data dari kajian menunjukkan vaksin itu berkesan dan memberi manfaat.



MITOS: Vaksin COVID berpotensi memberi anda jangkitan COVID



KEBENARAN: Tidak. Anda tidak boleh mendapat jangkitan COVID dari vaksin.

Vaksin COVID mengajar sistem imuniti tubuh kita untuk mengenali dan melawan virus yang menyebabkan COVID.

Proses ini boleh menyebabkan kesan sampingan yang biasanya ringan. Vaksin yang ada pada masa kini tidak boleh menyebabkan anda jatuh sakit dengan COVID.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Vaksin COVID berpotensi membuat anda mandul (tidak subur atau tidak boleh mempunyai anak)



KEBENARAN: Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa vaksin COVID menyebabkan kemandulan.

Mitos ini bermula apabila seorang ahli epidemiologi Jerman menyatakan bahawa vaksin COVID menyebabkan tubuh membuat antibodi anti-Syncytin-1. Bagaimanapun, beliau telah mengakui bahawa tidak ada bukti atau petunjuk bahawa perkara ini benar.

Sejumlah wanita yang menerima vaksin ini sewaktu di awal fasa percubaan klinikal kini telah hamil.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Disahkan mendapat jangkitan COVID setelah mendapat vaksin merupakan bukti bahawa vaksin ini tidak berkesan



KEBENARAN: Sistem imunisasi tubuh memerlukan masa beberapa hari atau minggu untuk menghasilkan tindak balas imuniti sebelum tubuh kita mendapat perlindungan daripada virus.

Pengambilan vaksin COVID dapat mengurangkan kemungkinan komplikasi serius dari jangkitan COVID.

Tiada vaksin yang memberi 100% keberkesanan, maka setiap orang seharusnya terus mengambil langkah berjaga-jaga yang dianjurkan untuk mengelakkan jangkitan.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Anda tidak memerlukan vaksinasi jika anda sudah pernah dijangkiti COVID



KEBENARAN: Kita tidak dapat memastikan berapa lama pesakit COVID dilindungi dari ulang-jangkitan selepas dijangkiti COVID, oleh itu mereka yang pernah dijangkiti masih disarankan agar mengambil vaksin.


Mereka yang sudah dijangkiti COVID berkemungkinan mendapat imuniti selama beberapa bulan selepas jangkitan tetapi penyelidikan lebih lanjut tentang ini masih diperlukan. Individu-individu yang pernah dijangkiti masih berpotensi menyebarkan virus itu kepada orang lain.

Nasihat semasa buat masa ini adalah untuk mereka yang dijangkiti menunggu 4 minggu setelah mendapat jangkitan COVID sebelum menerima vaksin.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Anda boleh memilih vaksin COVID yang diterima



KEBENARAN: Hampir tiada sesiapa yang akan diberi pilihan jenis vaksin untuk diambil disebabkan kekangan logistik dan faktor ketersediaan vaksin. Oleh itu, vaksin terbaik untuk anda adalah vaksin yang ditawarkan kepada anda.

Semua vaksin yang ditawarkan memberikan tahap imuniti yang tinggi. Orang awam seharusnya merasa yakin bahawa vaksin apa pun yang diberi kepada mereka telah mendapat kelulusan MHRA (*Medicines and Health Regulatory Agency*) dan oleh itu memenuhi piawaian keselamatan, kualiti dan keberkesanan yang ketat.



MITOS: Sekiranya saya memutuskan untuk tidak mengambil vaksin, ianya tidak akan mempengaruhi orang lain



KEBENARAN: Keputusan anda tidak hanya memberi kesan kepada anda tetapi juga mempengaruhi semua orang, terutama yang paling rentan dan mudah sakit.

Anda lebih berkemungkinan menderita simptom COVID yang berpanjangan (Long COVID) dan komplikasi serius jika anda tidak pernah menerima suntikan vaksin COVID. Ini akan menambah bebanan perkhidmatan kesihatan dan memberi kesan kepada mereka yang menderita penyakit lain. Ini juga akan memberi kesan kepada orang-orang tersayang anda yang bertanggungjawab menjaga anda dalam tempoh ini.



MITOS: Saya muda & berisiko rendah maka vaksin COVID bukan untuk saya



KEBENARAN: Dalam masa beberapa minggu kebelakangan ini, mereka yang berumur dalam lingkungan 18 – 64 tahun telah menyumbang kepada 40% kemasukan harian pesakit COVID ke hospital.

Walaupun risiko komplikasi COVID lebih tinggi dengan peningkatan umur dan komorbidity (adanya penyakit lain yang sudah dihidapi), COVID boleh memberi kesan yang tidak kurang seriusnya kepada mana-mana kumpulan umur. COVID pastinya berpotensi menyebabkan komplikasi jangka panjang dan kematian. Vaksin dicipta untuk mengurangkan risiko-risiko yang serius ini.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Hanya mereka yang sakit teruk & warga emas menjadi korban COVID



KEBENARAN: Ini dakwaan yang tidak benar dan tidak beretika.

Purata umur pesakit yang dirawat di unit rawatan rapi kerana COVID hanyalah lebih kurang 60 tahun. Latar belakang kesihatan pesakit-pesakit ini yang meninggikan risiko mereka adalah penyakit-penyakit biasa seperti asma, kencing manis atau berat badan berlebihan (obesiti).

Setiap nyawa manusia adalah berharga tanpa mengira usia atau latar belakang kesihatan mereka. Dakwaan sebaliknya menimbulkan kerisauan dan bertentangan dengan kefahaman Islam.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Liabiliti tidak akan ditanggung oleh sesiapa jika vaksin terbukti menyebabkan masalah



KEBENARAN: Pembuat dan pengilang vaksin tidak diberi pengecualian daripada semua liabiliti.

Untuk menggalakkan syarikat farmaseutikal menghasilkan vaksin COVID tanpa menanggung kerugian kewangan yang besar, kerajaan telah memberi mereka imuniti daripada liabiliti sivil dan memasukkan vaksin-vaksin ini dalam Skim Pembayaran Kerosakan Vaksin.

Syarikat-syarikat ini masih mempunyai tanggungjawab yang perlu mereka penuhi. Ini bukan konsep baru. Banyak vaksin yang sedia ada sudah berada di bawah skim ini.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Ada pekerja kesihatan yang membantah vaksin COVID



KEBENARAN: Majoriti pekerja profesional kesihatan, pakar kesihatan awam dan saintis menggalakkan pengambilan vaksin COVID.

Para saintis dari seluruh dunia telah bergabung tenaga untuk menghasilkan vaksin COVID yang selamat dan mampu menyelamatkan beribu-ribu nyawa.

Di dalam mana-mana kerjaya sekalipun, pasti akan ada minoriti yang tidak bersetuju dengan pandangan kata sepakat. Hujah-hujah golongan ini jarang sekali berdasarkan bukti nyata.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Vaksin perlu 100% selamat sebelum diberikan kepada orang ramai



KEBENARAN: Vaksin adalah cara yang selamat untuk mencegah penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin tetapi tiada ubat-ubatan yang 100% selamat.

Piawaian vaksin ditetapkan lebih tinggi daripada kebanyakan ubat-ubatan lain tetapi adalah penting untuk tidak meletakkan piawaian atau matlamat yang mustahil dalam bidang perawatan.

Tidak ada banyak perkara dalam kehidupan ini yang 100% selamat.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION

MITOS: Ramai orang meninggal dunia disebabkan vaksin COVID-19



KEBENARAN: Sebahagian penerima vaksin mungkin meninggal dunia selepas menerima vaksin COVID. Ini tidak bermakna vaksin yang diterima adalah penyebab kematian.

Jika 10 juta orang diberi vaksin dan tidak menerima sebarang kesan sampingan, 14 ribu orang dijangkakan masih boleh meninggal dunia disebabkan perkara yang tidak ada kaitan langsung dengan vaksin COVID-19.

Satu-satunya cara untuk menentukan sama ada vaksin mempunyai kesan sampingan yang serius adalah dengan membandingkan data yang dikumpul dari golongan yang divaksin dan golongan yang tidak divaksin, dengan disesuaikan mengikut kelompok umur yang sama.



BRITISH ISLAMIC
MEDICAL ASSOCIATION